

Name

BAHASA MELAYU TAHUN 6

Total questions: 50

Worksheet time: 29mins

Instructor name: Jie Chai

Class

Date _____

1. Puan Nur Alia : Assalamualaikum encik. _____ hendak sekilo udang galah, sekilo ketam dan sepotong kepala ikan merah, _____ jumlah harganya?

- a) Saya ... berapakah
b) Kami ... apakah
c) Awak ... siapakah
d) Kita ... bagaimanakah

- 2.



Kementerian Kesihatan Malaysia program Jalan Ria untuk melestarikan hidup sihat.

- a) Memajukan b) Mengusulkan
c) menganjurkan d) Menyarankan

3. Ayah berusaha untuk _____ perniagaannya dengan bersungguh-sungguh dan menggunakan strategi yang betul.

- a) kemajuan b) memajukan
c) pemaju d) memaju

4. Salina lebih suka mengulangkaji pelajaran di dalam bilik yang kerana lebih mudah mengingat pelajaran yang dibaca.

- a) Nyaring b) Sunyi
c) Kasar d) Tegang

5.



Alunan muzik yang berentak dapat menenangkan fikiran yang sering terganggu akibat tekanan hidup

a) lambat

b) perlahan

c) deras

d) gopoh

6.



Melisa menghidangkan sedulang jus oren di atas meja menjemput tetamunya minum.

a) agar

b) serta

c) jika

d) lalu

7.



Para guru sanggup mengorbankan masa dan tenaga kejayaan murid-murid dalam pelajaran.

a) demi

b) terhadap

c) antara

d) sejak

8.



Feri yang membawa penumpang itu dari jeti Lumut ke Pulau Pangkor .

- a) berpindah randah
- b) bercalar balar
- c) berulang alik
- d) berlekak lekuk

9.



Mereka lari apabila dikejar oleh seekor lembu yang mengamuk akibat dari kehilangan anaknya.

- a) lintang pukang
- b) hiruk pikuk
- c) compang camping
- d) kelam kabut

10. _____ kali selepas bersolat, dia mengangkat _____ belah tangannya dan berdoa kepada Tuhan.

- a) Beberapa kedua-dua
- b) Setiap kedua-dua
- c) Pertama semua
- d) Setengah-setengah dua

11. Tun Pateh tiba di istana pada pagi itu untuk berjumpa dengan Sultan Salehudin.

Apakah yang Tun Pateh mahu lakukan pada pagi tersebut?

- a) Berangkat
- b) Mengadap
- c) Bersantap
- d) Bersiram

12. Sekumpulan budak nakal segera _____ apabila mereka melihat dua orang anggota polis sedang membuat rondaan.
- a) angkat tangan b) angkat kaki
- c) buah mulut d) lapik perut

13. "Encik cakera padat yang encik beli ini bukan tulen,"kata Cik Latifah kepada Encik Zaid.

Pilih *perkataan sinonim* bagi tulen.

- a) benar b) unik
c) asli d) istimewa

14. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

I Kishan memakai seluar pendek dengan baju singlet.

II Pendek kata, semua perbelanjaan rumah ditanggung olehnya.

III Semakin pendek umur,semakin uzur.

IV Penyanyi baharu itu pendek nafas, tidak dapat menyampaikan lagu dengan baik.

- a) I, II dan III
b) I, II dan IV
c) I, II, III dan IV
d) II, III dan IV

15. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Senaman boleh menenangkan dan melapangkan minda seseorang.

- Bilakah manusia dapat menenangkan dan melapangkan fikiran?
- Apakah yang dapat menenangkan dan melapangkan fikiran seseorang?
- Bagaimanakah pendapat kamu tentang fikiran seseorang?
- Apakah yang dapat menenangkan dan melapangkan fikiran seseorang?

16. Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

"Bukankah sudah berpuluh kali kamu dipanggil temu duga? Tidak satupun yang berjaya?" tanya Khairil.

- a) Tidak, engkau apa peduli! b) Eh! Sabarlah! Jangan berputus asa.
- c) Memang belum rezeki aku lagi. d) Wah, sindir aku nampaknya!

17. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Puan Aini meminta Adam menjemur kasut sekolahnya yang basah.

- | | |
|--|--|
| a) "Adam, mari kita jemur kasut sekolah ini yang basah," kata ibu kepada Adam. | b) "Ibu, tolong jemurkan kasut sekolah yang basah ini," kata Adam kepada ibunya. |
| c) "Adam, sila jemur kasut sekolah kamu yang basah itu," kata Puan Aini kepada Adam. | d) "Kasut sekolah Adam yang basah ini akan ibu jemurkan nanti," kata Puan Aini. |

18. Pilih ayat yang **betul**.

I Akar yang sihat akan dapat melahirkan idea-idea yang bernas.

II Biar pun Jasmin berada di luar negara, namun dia tidak lupa akan akar dirinya.

III Hisyam hampir tersungkur kerana kakinya tersadung akar pokok rambai.

IV "Janganlah kamu bertindak seperti orang tiada akar," kata nenek kepada Hanim.

- | | |
|---------------|-------------|
| a) III dan IV | b) I dan II |
| c) II dan III | d) I dan IV |

19. Pilih ayat yang **betul**.

- | | |
|---|---|
| a) A. Bayaran ke Pameran Sains itu bukan mahal sangat. | b) C. Setengah pengunjung yang datang ke pameran itu ialah murid sekolah. |
| c) D. Sila dapatkan maklumat pameran di kaunter pertanyaan. | d) B. Kebanyakan bahan yang dipamerkan berasal daripada Timur Tengah. |


- 20.



Adnan _____ melalui tingkap rumah kerana terdengar suara orang memanggilnya.

- | | |
|--------------|--------------|
| a) menjenguk | b) menoleh |
| c) mengintai | d) mengintip |

21.



Albert Lee belajar dengan _____ supaya dia boleh memperoleh kecemerlangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah pada tahun ini.

- a) cakna
- b) tekun
- c) bernas
- d) hikmah

22. Hariz mencurigai apa-apa juga yang telah dilakukan oleh Syafiq terhadapnya selama ini. Perkataan berlawanan bagi mencurigai ialah _____.

- a) mengesahkan
- b) mengiakan
- c) mengharapkan
- d) mempercayai

23.



Berikan peribahasa yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa berikut:-
"Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran"


- a) Ikan lagi di laut, lada garam sudah di sengkalan.
- b) Rusa masih di hutan, kancah sudah dijerang
- c) Burung terbang dipipiskan lada
- d) Ibarat mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.

24. Puan Zaleha _____ apabila melihat baju-baju yang dijual di butik yang baru dibuka itu.

- a) rambang mata
- b) gelap mata
- c) mata duitan
- d) putih mata

25. Perhatikan Ridhwan menjadi silau apabila terkena pantulan cahaya matahari.
Pilih perkataan antonim bagi silau.
- a) kelam
c) jelas
b) cerah
d) kabur
26. Atlet sekolah kami telah merangkul tiga pingat emas dalam acara olahraga peringkat daerah.
Pilih perkataan sinonim bagi merangkul.
- (i) menjuarai
(ii) memenangi
(iii) menggondol
(iv) menjulang
- a) (ii) dan (iii)
c) (i) dan (ii)
b) (iii) dan (iv)
d) (i) dan (iv)
27. Sekumpulan budak nakal segera _____ apabila mereka melihat dua orang anggota polis sedang membuat rondaan.
- a) buah mulut
c) angkat kaki
b) lapik perut
d) angkat tangan
28. Pembinaan projek perumahan itu terbengkalai kerana pihak pengurusannya _____.
- a) gulung tikar
c) makan angin
b) kacang hantu
d) perang dingin
29. Nasihat yang diberikan oleh ayah kepada along bagai _____ kerana along tidak ingin menuruti kata-kata ayah.
- a) kaca jatuh ke batu
c) tikus membaiki labu
b) mencurahkan air ke daun keladi
d) kacang lupakan kulit

30.



Chef Nasrul sedang _____ kek keluar dari ketuhar.

- | | |
|---------------|---------------|
| a) memasukkan | b) mengangkat |
| c) menyimpan | d) memasak |

31. Kakakke Kelantan pada bulan hadapan kerana dia dapat belajar di MRSM Jeli.

- | | |
|-----------|---------|
| a) sudah | b) akan |
| c) sedang | |

32. "Siapakah yang dipersalahkan dalam kejadian itu"? tanya Cikgu Rosdi kepada Ramu dan Daud.

- | | |
|-----------|----------|
| a) sedang | b) harus |
| c) telah | d) akan |

33. 1 _____ ibu bapa harus kita patuhi selalu

- | | |
|-----------------|----------------|
| a) C. Ajaran | b) D. Belajar |
| c) B. Pelajaran | d) A. Mengajar |

34. 2. "Tolong _____ salam saya kepada keluarga kamu, " kata Rosana kepada Faiza.

- | | |
|--------------------|-------------------|
| a) D. menyampaikan | b) C. penyampaian |
| c) B. kesampaian | d) A. sampaikan |

35. 3. Tanah Tinggi Cameron pernah saya _____ pada tahun lepas.

- | | |
|---------------|---------------|
| a) D. lawati | b) A. pelawat |
| c) C. lawatan | d) B. melawat |

36. 6. _____ keputusan peperiksaan itu boleh dibuat melalui internet.

- | | |
|----------------|----------------|
| a) A. Semakan | b) D. Disemak |
| c) C. Penyemak | d) B. Menyemak |

37. Sosian 7 berdasarkan gambar di bawah.



Pak Cik Syamsudin mengambil upah _____ kelapa di kebun kepunyaan beberapa orang penduduk kampungnya.

- | | |
|-------------|-------------|
| a) mengopek | b) membelah |
| c) mengait | d) memetik |

38. Banyak pelanggan terpedaya dengan tipu helah segelintir peniaga yang sanggup menjual barang tiruan pada harga yang tinggi.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

- | | |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| a) seperti lintah menghisap darah | b) seperti tikus jatuh ke beras |
| c) seperti gergaji dua mata | d) seperti anjing menyalak bukit |

39. *Pilih ayat yang betul.*

I Beberapa daerah di Selangor akan terlibat dalam catuan bekalan air mulai hari ini.

II Para peniaga tidak berpuas hati terhadap tindakan pengguna menaikkan harga gula.

III Kita mestilah membuat perancangan yang teliti agar projek belia itu berjalan lancar.

IV Orang ramai diminta memikirkan cara yang terbaik untuk menangani masalah sosial.

- | | |
|---------------|-------------|
| a) III dan IV | b) I dan II |
| c) II dan III | d) I dan IV |

40. *Pilih ayat yang betul.*

I Beberapa daerah di Selangor akan terlibat dalam catuan bekalan air mulai hari ini.

II Para peniaga tidak berpuas hati terhadap tindakan pengguna menaikkan harga gula.

III Kita mestilah membuat perancangan yang teliti agar projek belia itu berjalan lancar.

IV Orang ramai diminta memikirkan cara yang terbaik untuk menangani masalah sosial.

a) I dan II

b) III dan IV

c) I dan IV

d) II dan III

41. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Laila jurutaip.

a) Ayat Penyata

b) Ayat Seruan

c) Ayat Tanya

d) Ayat Perintah

42. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Guru mengajar murid itu membaca.

a) Ayat Perintah

b) Ayat Penyata

c) Ayat Tanya

d) Ayat Seruan

43. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Adik masih menangis?

a) Ayat Perintah

b) Ayat Penyata

c) Ayat Seruan

d) Ayat Tanya

44. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Ambillah wang RM1 ini.

a) Ayat Penyata

b) Ayat Seruan

c) Ayat Tanya

d) Ayat Perintah

45. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Cantiknya dia!

- | | |
|------------------|----------------|
| a) Ayat Perintah | b) Ayat Seruan |
| c) Ayat Penyata | d) Ayat Tanya |

46. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Comel betul anak kucing itu!

- | | |
|------------------|-----------------|
| a) Ayat Seruan | b) Ayat Tanya |
| c) Ayat Perintah | d) Ayat Penyata |

47. Arahan: Pilih jenis ayat bagi ayat di bawah:

Wah, besarnya rumah awak!

- | | |
|----------------|------------------|
| a) Ayat Tanya | b) Ayat Penyata |
| c) Ayat Seruan | d) Ayat Perintah |

48. "Saya mahu kalian berkumpul di bawah pohon yang_____ itu," arah Cikgu Mawi kepada murid-muridnya

- | | |
|-----------|------------|
| a) rendah | b) renek |
| c) redup | d) rendang |

49.



Lipan boleh menyelinap dan menyelit ditempat-tempat yang tersembunyi kerana bentuk yang _____.

- | | |
|----------|----------|
| a) leper | b) bujur |
| c) tirus | d) pipih |

50. Abdul Halim sedang mengasah sabit kelapa sawit itu kerana sudah _____.

a) tajam

b) tumpul

c) kasar

d) kesat